

MASALAH TANAH PADI TERBIAR - KAJIAN KES
DI BARUH CHERANG ROTAN, PASIR PUTEH,
KELANTAN

OLEH
MOHD. NAWAWI MUSTAPAI

LATIHAN ILMIAH INI ADALAH UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM BIDANG GEOGRAFI

PENYELIA
DR. K.U. SIRINANDA
DR. PANGIRAS MICHAEL

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
SESSI 1985/86

I

Prakata

Latihan Ilmiah ini ialah satu daripada kursus wajib dalam Bahagian Geografi bagi para pelajar bukan pendidikan yang mengikuti kursus pengajian penuh masa Universiti Sains Malaysia.

Kursus ini adalah bertujuan untuk meninjau kemampuan dan kebolehan para pelajar dalam mengendalikan urusan penyelidikan dan kajian luar secara bersendirian. Para pelajar perlu mengumpulkan data mentah untuk diproses dan dipersembahkan dalam bentuk laporan ilmiah. Selain daripada itu, kursus ini juga secara tidak langsung akan menghasilkan kajian asli yang boleh dijadikan bahan sumber untuk penyelidikan selanjutnya. Tujuan utama Latihan Ilmiah ini kepada para pelajar adalah untuk keperluan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Kebebasan memilih tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Disiplin Geografi ini juga memberi kesempatan kepada para pelajar untuk menyelidiki isu atau topik semasa. Ia mungkin dapat memberi faedah kepada penyelidik, perancang dan sebagainya. Diharapkan dengan lahirnya tajuk yang dipilih ini akan dapat menyedarkan lagi masyarakat dan kerajaan terutamanya dalam persoalan dan mengatasi masalah tanah terbiar yang berkaitan dengan petani dan sektor tanaman padi.

Mohd. Nawawi Mustapai

Penghargaan

Dalam proses menghasilkan sebuah Latihan Ilmiah ini, saya telah terhutang budi kepada beberapa orang. Pertamanya saya rakamkan terima kasih dan penghargaan kepada teman dan kawan-kawan terutama Cik Norlida, Encik Khairu Hzam dan Encik Salim yang tidak henti-henti memberikan bantuan selama penyelidikan saya. Kepada Mek dan adik-adik juga, sumbangan mu amat dihargai.

Saya juga amat terhutang budi kepada dua orang penyelia saya iaitu Dr. K.U. Sirinanda dan Dr. Pangiras Michael. Kepada bekas penyelia pertama saya, Dr. K.U. Sirinanda yang kini berada di University of Brunai, Darussalam diucapkan terima kasih, kerana beliau telah menaburkan petunjuk-petunjuk dan menyelesaikan banyak masalah di permulaan kajian. Penghargaan saya yang amat istimewa ialah untuk Dr. Pangiras Michael kerana telah membantu saya secara bersungguh-sungguh dalam semua aspek. Dari bantuan itu akhirnya Latihan Ilmiah yang tidak seperti ini dapat disiapkan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Pihak KADA, terutama Pengurus Besarnya yang telah membenarkan saya menggunakan perpustakaan KADA sebagai pusat sumber. Kepada pihak Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, PKP Cherang Rotan dan PKP Bukit Jawa, Pejabat Pertanian Pasir Puteh, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh juga terima kasih dan penghargaan saya hulurkan.

Tetapi penghargaan ini tidak lengkap kalau saya melupakan sumbangan penghulu dan para petani di kawasan sekitar Baruh Cherang Rotan. Ini kerana mereka telah memberikan banyak maklumat dan dengan itu memudahkan kajian yang dijalankan. Masa dan sumbangan mereka

amat dihargai.

Akhir kata, kepada semua mereka yang telah bersusah payah kerana saya, tetapi lupa saya merakamkan peraniannya, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih.

Mohd. Nawawi Mustapa

28hb. Februari 1986

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

USM Pulau Pinang

<u>Senarai Peta, Rajah, Geraf dan Jadual</u>		Halaman
Peta 1	Lokasi Kawasan Cherang Rotan	28
Peta 2	Lokasi di Negeri Kelantan	28
Peta 3	Keadaan Fizikal - Peta Lakaran	29
Peta 4	Sistem Pengairan dan Jalan Baruh Cherang Rotan	31
Gambarajah 1	Keratan Rentas Fizikal	30
Gambarajah 2	Keratan Rentas Fizikal	30
Gambarajah 3	Peta Sawah Padi Konvensional	44
Gambarajah 4	Keadaan Sistem Pengairan Biasa	44
Gambarajah 5	Kesan Kedalaman Air ke Atas Keluarga Rumpai	52
Gambarajah 6	Klasifikasi Petani dari Sistem Pengairan	54
Gambarajah 7	Model Penggunaan Air bagi Sawah	54
Gambarajah 8	Corak 'Terminal Facilities'	94
Geraf 1	Keluasan dan Kedudukan Tanah Padi Terbiar Mengikut Mukim	27
Jadual 1	Luas Sawah Terbiar Mengikut Kategori dan Negeri	1
Jadual 2	Jumlah Keluasan Sawah Padi Yang Ditanam dan Dituai Mengikut Jenis di Semenanjung Malaysia	7
Jadual 3	Peruntukan dan Perbelanjaan Projek Parit Taliair 1956 - 70	8
Jadual 4	Pertambahan dalam Tanaman Dua Kali Setahun dan Kadar Keperluan Sendiri 1955 - 76	9
Jadual 4a	Bilangan Responden Yang Terpilih Sebagai Sampel	17
Jadual 5	Peratusan Petani Berdasarkan Jantina Berdasarkan Kampung	34
Jadual 6	Umur Petani	34
Jadual 7	Taraf Pendidikan Petani Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur	35
Jadual 8	Jenis Pekerjaan Lain Petani	37

Jadual 9	Pengamalan Bertani	38
Jadual 10	Pola Pemilikan Tanah	39
Jadual 11	Bentuk Pemilikan Usahatani	40
Jadual 12	Faktor Masalah Penyebab Tanah Terbiar Antara Kampung	46
Jadual 13	Sebab-sebab Terbiar	47
Jadual 14	Keadaan Sistem Taliair Cherang Rotan	55
Jadual 15	Peratus Pertumbuhan Ekonomi Mengikut Industri	56
Jadual 16	Hubungan Antara Jadual Penanaman dan Petani	62
Jadual 17	Contoh Jadual Penanaman	62
Jadual 18	Amalan Penyediaan Tanah	65
Jadual 19	Kos Pengeluaran Sekali Tanam Padi	67
Jadual 20	Kos Pengeluaran Padi Seekar	69
Jadual 22	Jangkamasa Tanah Terbiar	75
Jadual 23	Keadaan Tanah Setelah Tidak Diusahakan	75
Jadual 24	Perhubungan Antara Angkubah Bebas dan Angkubah Terikat	79

Senarai Singkatan dan Unit Penukaran

Senarai Singkatan

A1	- Malaysia Panjang
B1, B2, B3	- Malaysia Sederhana
cm	- centimeter
cusec	- padu/saat
gtg	- gantang
ha	- hektar
JPT	- Jabatan Parit dan Taliair
KADA	- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KUAT	- Kejuruteraan Umum dan Traktor Bhd.
kg	- kilogram
LPN	- Lembaga Padi dan Beras Negara
MARDI	- Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia
MADA	- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
pdg	- padang
PKP	- Pusat Kemajuan Peladang
PPTT	- Projek Pembangunan Tanah Terbiar
2-L	- Latihan dan Lawatan

Unit-unit Penukaran

1 hektar	= 2.471 ekar
1 ekar	= 0.4046 hektar
1 hektar	= 0.003861 batu persegi
1 gantang	= 0.00254 tan metrik
1 tan metrik	= 393.7 gantang
1 kati	= 0.6048 kilogram
1 kilogram	= 1.65 kati
1,000 kg	= 1 tan metrik
1 gantang	= 2.54 kilogram

Abstrak

Latihan Ilmiah ini meneliti masalah tanah padi terbiar yang dihadapi di Cherang Rotan, Negeri Kelantan oleh petani dan agensi pertanian, negeri dan persekutuan. Perbincangan ini adalah berdasarkan satu kajian yang telah dijalankan di kawasan Baruh Cherang Rotan, Pasir Puteh, di Negeri Kelantan pada Mei hingga Ogos 1985.

Masalah tanah padi terbiar di Cherang Rotan wujud sejak lama dulu (seawal 1970an). Keadaan baruh yang terbiar pada masa itu adalah amat luas dan boleh dikatakan seluruhnya terbiar. Menjelang 1976, usaha pemulihan telah dijalankan, tetapi hanyalah untuk kawasan atau bahagian kecil sahaja. Baruh yang dipulihkan ada yang kembali terbiar. Keadaan baruh yang terbiar itu wujud berselang-seli antara baruh dan petak sawah yang ditanam.

Munculnya masalah tanah padi terbiar didapati berpunca dari masalah keperluan air (lebih dan tidak cukup air). Selain daripada itu, 'baruh yang bermasalah', musuh padi dan pemilik tanah tidur adalah faktor penyebab. Keadaan ini ditambah pula dengan sikap negatif dan keadaan kemiskinan petani serta kekurangan tenaga kerja yang menyebabkan jadual penanaman tidak ditepati dan penanaman tidak dijalankan serentak.

Walaupun telah ada usaha kerajaan dan petani membangunkan semula tanah terbiar ini, tanah yang dipulihkan itu ada setengahnya kembali terbiar lagi. Tanah padi terbiar ini telah menimbulkan implikasi sosio-ekonomi secara negatif. Pada setengah petani mereka sedar dan merasakan kerugian yang besar jika tanah itu terus terbiar dan kewujudan tanah terbiar yang baru. Ada setengah kalangan petani yang putus asa dan meninggalkan sektor tanaman padi ke lapangan lain.